
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2006/2007

April 2007

HST 121 – TANAH BESAR ASIA TENGGARA

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. SAMA ADA

[a] Bincangkan sejauh manakah *Buddhisme Theravada* mempengaruhi institusi politik dan sosioekonomi negara-negara Tanah Besar Asia Tenggara sejak pertengahan abad ke-19?

ATAU

[b] Bandingkan perhubungan institusi *sangha* dengan istana dalam aspek sosiopolitik pada abad ke-19 di Myanmar dan Siam atau Laos dan Kampuchea.

2. "... bukan beras atau kelebihan perdagangan kawasan Delta yang menyebabkan Perang Burma Kedua tetapi isu prestij politik British yang tercemar akibat denda yang dikenakan oleh Gabenor Rangoon ke atas dua kapal British yang melanggar peraturan pelabuhan." (Charles Lee Keeton). Sejauh manakah kenyataan ini benar?

3. "Dalam tempoh 50 tahun selepas jatuh ke tangan British, Myanmar Hilir telah berubah daripada sebuah kawasan yang mundur kepada pengeksport beras utama di dunia" (Micheal Adas). Bincangkan perubahan-perubahan sosioekonomi di kawasan tersebut selepas 1850-an.

4. Analisis pembaharuan-pembaharuan politik dan sosioekonomi Dinasti Nguyen dalam membangunkan Vietnam.

5. SAMA ADA

[a] "Sistem pendidikan moden Myanmar adalah hasil daripada tindakbalas terhadap keperluan-keperluan ekonomi kolonial British" (Aye Kyaw). Bincangkan.

ATAU

[b] Huraikan sebab-sebab berlakunya Boikot Universiti 1920 dan langkah-langkah yang diambil oleh golongan pelajar untuk memperbaiki sistem pendidikan kebangsaan Myanmar.

6. "Amerika sebenarnya tidak berperang selama sepuluh tahun di Viet Nam Selatan tetapi berperang peperangan setahun selama sepuluh kali" (Anthony James Joes). Bincangkan kelemahan-kelemahan dasar peperangan Amerika di Viet Nam Selatan sehingga mempengaruhi kejayaan Viet Cong?

7. SAMA ADA

- [a] Bincangkan kebangkitan dan perkembangan nasionalisme di Vietnam atau Myanmar sejak pertengahan abad ke-19.

ATAU

- [b] Dengan merujuk kepada karya Daw Khin Yi, *The Dobama Movement In Burma (1930-1938)*, bincangkan sejauh manakah *Dobama Asiayone* berjaya dalam pergerakan nasionalisme serta memperkukuhkan kesedaran etnik bangsa Myanmar pada awal abad ke-20.

8. Bincangkan faktor-faktor politik dan ekonomi yang telah mendorong kemunculan Khmer Rouge pada 1970-an.